

TEKS UCAPAN
YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU LAILARAJA
MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI
HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MOHD YUSSOF
TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM
NEGERI

MAJLIS DOA KESYUKURAN ANUGERAH KAMPUNG
CEMERLANG MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG
JERUDONG SESI 2010-2011

ANJURAN
MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG JERUDONG
DAERAH BRUNEI-MUARA
TAHUN 1433H/ 2012M

Tarikh:
Hari Jumaat,
05 Rejab 1433 bersamaan 25 Mei 2012

Jam: 8.30 malam

Tempat:
Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ ،

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selamat Malam dan Salam Sejahtera

Yang Mulia

Awang Haji Mohamad Rais bin Haji Ishak

Ketua Kampong Jerudong,

Mukim Sengkurong selaku Pengerusi

Majlis pada malam ini.

Yang Mulia,

Dato Paduka Awang Haji Abd. Razak bin Haji Muhammad,

Penasihat Majlis Perundingan Kampong Jerudong;

Yang Mulia Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampong

Jerudong.

Yang Mulia,

Pengiran-Pengiran, Dato-Dato, para hadirin dan hadirat

yang dirahmati Allah, yang peramba/saya hormati dan

kasihi sekalian.

Segala puji hanya bagi Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan Pencipta dan Sumber Segala Nikmat Alam Semesta.

Selawat Serta salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat serta jujur hingga ke akhir zaman.

1. Terlebih dahulu peramba/saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Doa Kesyukuran pada malam ini diatas kesudian abiskita menjemput peramba/saya hadir selaku Tetamu Kehormat di dalam majlis yang berkebajikan ini.
2. Diawal kesempatan ini peramba/saya juga sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah khasnya kepada ahli Majlis Perundingan Kampong Jerudong dan penduduk Kampong Jerudong amnya kerana telah menyertai dan berjaya termasuk di antara 18 kampung yang sampai ke peringkat akhir (Kebangsaan) Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Sesi 2010-2011, yang mana Majlis Penganugerahannya telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 31hb Mac 2012 yang lalu.
3. Peramba/Saya difahami, bahawa ini adalah kali kedua bertutur-turut Majlis Perundingan Kampong Jerudong memasuki Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan meskipun hanya mendapat hadiah Penghargaan, akan tetapi apa yang dapat dibanggakan dan dijadikan contoh dan teladan disini adalah konsistensi dan semangat kental Majlis Perundingan Kampong yang

mengharapkan kejayaan, kebaikan dan kesejahteraan kampung menuju kecemerlangan.

4. Peramba/Saya percaya bukan mudah untuk sesebuah Majlis Perundingan Kampung itu mencapai kejayaan di dalam Anugerah Kampung Cemerlang kerana kejayaan seumpama ini tentunya memerlukan kesungguhan dan semangat kerja berpasukan yang tinggi. Disamping sokongan daripada pucuk kepimpinan kampung, kerjasama dan komitmen setiap lapisan masyarakat kampung secara berterusan amat diperlukan untuk sesebuah kampung itu mencapai pembangunan dan kemajuan yang berterusan.
5. Oleh itu, peramba/saya berharap agar semangat yang jitu ini akan dapat diteruskan secara berterusan meskipun jika telah mencapai kecemerlangan pada suatu masa nanti.
6. Peramba/Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis-Majlis Perundingan Kampung yang lainnya, yang telah memberikan perkhidmatan yang berkesan di peringkat akar umbi sehinggakan telah melahirkan banyak kampung-kampung yang maju dan boleh diketengahkan sebagai kampung contoh.
7. Majlis Perundingan Kampung dan ahli-ahlinya adalah pemangkin dalam pembangunan kampung. Peramba/saya berharap Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara akan terus meningkatkan usaha untuk kekal menjadi institusi mukim dan kampung yang penting dan relevan kepada masyarakat, serta hendaklah memainkan peranan membantu pihak Kerajaan dan agensi-agensi yang berkenaan dalam merancang

pembangunan kampung dengan menggunakan sumber-sumber yang ada, menyatupadukan penduduk serta membina kehidupan masyarakat yang sejahtera.

Para Hadirin dan Hadirat yang dirahmati Allah sekalian

8. Anugerah Kampung Cemerlang dimatlamatkan antara lain sebagai pemangkin atau *catalyst*, agar Majlis-Majlis Perundingan Kampung di Negara ini dapat bersama-sama meningkatkan sosio-ekonomi kampung berkenaan, dari itu janganlah ianya dijadikan medan untuk hanya mencari nama atau hanya bagi kepentingan peribadi. Jadikanlah ia sebagai salah satu tanda-aras atau sukat-sukat untuk mengukur sejauh mana Majlis Perundingan Kampung dan penduduk kampung telah sama-sama menyumbang demi kesejahteraan pembangunan kampung dan penduduk di dalamnya yang terdiri dari pelbagai puak, bangsa budaya dan agama.
9. Pada Anugerah Kampung Cemerlang yang lalu, ada terdapat 3 kriteria yang telah dihakimi, iaitu Aspek Pengurusan dan Pentadbiran; Aspek Projek Perekonomian (1 Kampung 1 Produk) dan Aspek Kebajikan dan Kemasyarakatan.
10. Sebagai salah satu projek strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Insya Allah, Anugerah Kampung Cemerlang ini akan diadakan secara berterusan dengan mengenalkan beberapa kriteria-kriteria pertandingan dan juga pendekatan penghakiman yang bari dari masa ke semasa. Pada pertandingan akan datang iaitu sesi tahun 2012/2013 akan ada 2 kriteria baru sebagai tambahan iaitu:

- Pendidikan
- Keceriaan, Keindahan dan Kebersihan

Oleh yang demikian, apa jua usaha, aktiviti dan projek perekonomian khususnya yang telah diungkayah semasa Anugerah Kampung Cemerlang yang lalu, adalah diharapkan akan dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi, dan janganlah usaha-usaha murni tersebut hanya diusahakan bagi tujuan pertandingan sahaja.

11. Peramba/saya juga berharap setiap kampung atau mukim tidak akan ketandusan idea didalam mencoba atau mengusahakan produk-produk kampung yang akan dapat manjana pelbagai manfaat termasuk peluang pekerjaan kepada anak buah kampung. Biarlah produk ini unik dan tersendiri serta berpotensi tinggi untuk bertahan lama dengan pulangan yang menguntungkan bukan sahaja dari segi wang ringgit malahan jua dari segi kepakaran. Dalam erti kata lain tidak hanya terikut-ikut apa yang telah dibuat oleh Majlis Perundingan Kampung yang lain.
12. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, khususnya melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan Daerah, telah banyak menyediakan bantuan dan kemudahan bagi tujuan meningkatkan perkembangan sosio-ekonomi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, oleh yang demikian adalah disarankan agar Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung akan dapat memanfaatkan peluang dan kemudahan ini dengan sebaik-baiknya.

13. Selain daripada sokongan dan bantuan daripada pihak Kerajaan, tanggungjawab membangunkan kampung juga boleh turut diterajui oleh Ketua Kampung serta Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan juga bergabung dengan Jawatankuasa Takmir Masjid serta anggota masyarakat kampung yang lainnya.
14. Dalam konteks ini, MPK perlu memainkan peranan penting dan menjadi mekanisme yang boleh mempercepatkan proses pembangunan di kampung-kampung. Peramba/saya ingin menyeru kepada pihak-pihak yang berkenaan agar pihak MPK dilibatkan dalam setiap perancangan dan pelaksanaan pembangunan sosio-ekonomi bagi membolehkan kita mewujudkan pembangunan yang lebih teratur, selaras dan sejajar serta memenuhi keperluan sebenar masyarakat dan penduduk kampung tersebut.

Hadirin dan Hadirat sekalian

15. Setiap Mukim dan Kampung, mempunyai keunikannya yang tersendiri, oleh yang demikian, terpulanglah kepada Majlis Perundingan Kampung berkenaan untuk menerokai dan mengusahakan apa yang terbaik daripada kurnia dan rahmat di bumi Allah Subhanallahu Wata'ala ini, baik yang bersifat kebendaan, komoditi dan perkhidmatan.
16. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan sentiasa meneruskan usaha dari segi memberikan bimbingan dan menggilap potensi kampung-kampung di seluruh negara supaya setanding dengan kampung-kampung di negara maju dan oleh yang demikian, pada

masa yang sama, diharapkan ciri-ciri murni yang menjadi budaya hidup masyarakat kampung perlu dikekalkan, dan persekitaran semula jadi yang nyaman perlu dipelihara.

17. Dalam hal ini, peramba/saya juga berharap tranformasi dan perubahan profil kawasan di Kampung Jerudong dewasa ini tidak akan dijadikan alasan bagi ianya tidak dapat mengekalkan keunggulan usaha kerajinan warisan tradisi masyarakat asalnya kerana kepesatan pembangunan atau ledakan arus.
18. Akhirnya, selaras dengan wawasan negara 2035, pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan penduduk di luar bandar, termasuklah di kampung-kampung hendaklah terus dipertingkatkan untuk memastikan kemajuan dan kesejahteraan yang dicapai oleh negara dapat dikongsi oleh semua lapisan rakyat tanpa mengira agama dan kaum.
19. Bagi menutup ucapan ini, sekali lagi diucapkan tahniah kepada Majlis Perundingan Kampung Jerudong kerana telah berjaya memasuki Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan buat kali Kedua dan berharap Kampung Jerudong akan mencapai kejayaan yang lebih baik di Anugerah Kampung Cemerlang yang akan datang dan terima kasih sekali lagi diucapkan diatas penghargaan yang diberikan kepada peramba/saya selaku Tetamu Kehormat pada hari ini dan seterusnya diberikan peluang untuk menyampaikan sedikit ucapan pada malam ini.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية والسلام علي